



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 12/2023

SIFAT ORANG BERPUASA

1 Ramadan 1444 H

Bersamaan

24 Mac 2023

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ رَمَضَانَ شَهْرَ الصِّيَامِ وَالْقِيَامِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْمُتَفَرِّدُ بِالْكَمَالِ وَالْتَّمَامِ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ أَفْضَلُ مَنْ صَلَّى وَصَامَ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ بِإِحْسَانٍ.

أَمَّا بَعْدُ - فَيَا عِبَادَ اللَّهِ - ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Wahai hamba-hamba Allah! Saya berpesan kepada tuan-tuan dan juga diri sendiri supaya bertaqwa kepada Allah. Sediakanlah bekalan untuk hari pembalasan, sebaik-baik bekalan adalah ketaqwaan. Kejayaan dan kemenangan adalah milik golongan yang bertaqwa.

Sidang jumaat yang dirahmati sekalian,

Mimbar mulia pada hari penuh berkat ini membawa khutbah bertajuk:

“SIFAT ORANG BERPUASA”.

Ramadan adalah madrasah pendidikan yang melatih keperibadian mulia, menjana modal insan yang berguna serta akhlak yang terunggul.

Allah SWT memberi ganjaran yang amat tinggi kepada orang yang berakhlak mulia, setaraf dengan orang yang berpuasa serta mendirikan sembahyang di tengah malam. Rasulullah s.a.w bersabda:

إِنَّ الْمُؤْمِنَ لَيُذْرِكُ بِحُسْنِ خُلُقِهِ دَرَجَةَ الصَّائِمِ الْقَائِمِ

Bermaksud: “Sesungguhnya seseorang mukmin melalui akhlak yang mulia dapat mencapai darjat orang yang berpuasa serta mendirikan sembahyang di tengah malam.”

(Hadis Riwayat Abu Daud)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Ibadah puasa bukan sahaja membantu pembinaan akhlak dan peribadi umat, bahkan ia juga merupakan perisai bagi mencegah manusia daripada melakukan perbuatan yang buruk dan ditegah. Sabda Rasulullah saw:

الصِّيَامُ جُنَّةٌ فَلَا يَرْفُثُ وَلَا يَجْهَلُ، وَإِنْ امْرُؤٌ قَاتَلَهُ أَوْ شَاتَمَهُ فَلْيَقُلْ: إِنِّي صَائِمٌ مَرَّتَيْنِ

Bermaksud: “Puasa itu ibarat perisai. Semasa berpuasa, janganlah kamu mengucapkan kata-kata kotor dan tidak enak didengar, dan jangan pula sibuk bertengkar. Jika ada di antara kamu yang memaki atau mengajak berkelahi, maka hendaklah kamu katakan kepadanya: “Sesungguhnya aku sedang berpuasa”. “Sesungguhnya aku sedang berpuasa”.

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Sabda Baginda lagi:

مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ، فَلَيْسَ لِلَّهِ حَاجَةٌ فِي أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ

Bermaksud: "Sesiapa yang tidak meninggalkan ucapan dan perbuatan yang buruk, maka tidak ada erti bagi Allah perbuatan orang itu yang meninggalkan makanan dan minumannya (berpuasa)."

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Muslimin yang dimuliakan,

Antara akhlak mulia yang menjadi keperibadian orang berpuasa adalah sebagaimana berikut:

Pertama: Ikhlas dan jujur.


Allah berfirman dalam hadith qudsi yang bermaksud:

“Setiap amalan anak Adam adalah untuknya, melainkan puasa, kerana sesungguhnya puasa itu untuk-Ku, dan Aku yang akan memberi balasan dengannya.”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Kedua: Sabar dan cekal.

Puasa menyemai beberapa jenis sabar, iaitu sabar dalam melaksanakan ketaatan, sabar dalam meninggalkan maksiat, serta sabar dengan ujian. Allah berfirman dalam Surah al-Zumar ayat 10:



Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira.

Ketiga: Dermawan dan pemurah.

Antara rahsia berlapar dalam ibadat puasa ini ialah untuk merasai dan menjiwai golongan yang kelaparan akibat kemiskinan. Justeru, seorang yang berpuasa mudah untuk membantu orang miskin yang kelaparan.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Ramadan adalah bulan simpati dan bulan bertambahnya rezeki orang beriman. Sesiapa yang memberi makan (untuk berbuka) orang yang berpuasa maka baginya pengampunan atas dosa-dosanya dan dibebaskan daripada api neraka dan dia mendapatkan pahala yang sama sebagaimana orang yang berpuasa tanpa mengurangi sedikitpun pahala orang yang berpuasa.”

(Hadis riwayat Ibnu Khuzaimah dan al-Baihaqi)

Ibnu Abbas RA telah meriwayatkan yang bermaksud:

Nabi SAW seorang yang paling pemurah dan Baginda menjadi lebih pemurah pada bulan Ramadhan ketika Jibril as bertemu dengannya. Jibril AS bertemu dengan Nabi saw pada setiap malam pada bulan Ramadhan untuk bertadarus Al-Quran dan kemudiannya Rasulullah SAW menjadi lebih pemurah daripada angin yang bertiup.

(Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Semoga dengan penghayatan Ramadan pada kali ini akan menatijahkan taqwa dalam hati sanubari dan akhlak yang terpuji. Mudah-mudahan kita dapat meraih redha Allah yang akhirnya melayakkan kita menjadi hamba yang muttaqin.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ

لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu supaya kamu bertaqwa”

(Surah al-Baqarah : 183)

بَارِكِ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dikasihi.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ
مَحْمُودِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ
تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ
الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, wahai Zat Yang Maha Pengasih.

Hindarilah kami daripada segala malapetaka, bala bencana dan wabak penyakit, daripada kekejian dan kemunggaran, daripada pelbagai persengketaan, kekejaman dan huru hara, daripada kesulitan dan kesengsaraan, yang nampak mahupun yang tersembunyi.

Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.

